

Pertingkatkan Usaha untuk COVID-19 yang Endemik

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menyambut baik langkah-langkah awal YB Khairy Jamaluddin sebagai Menteri Kesihatan (YBMK), dan mengambil maklum akan sasaran yang ditetapkan oleh beliau dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kami berharap agar keseluruhan jentera KKM dan kerajaan Malaysia digerakkan untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Kami juga menggesa langkah-langkah berikut:

1. Memberi penjelasan yang lebih spesifik untuk pengurusan COVID yang endemik

YBMK telah menyatakan bahawa 'Malaysia bakal memasuki fasa endemik COVID-19 bermula hujung Oktober ini'. Oleh yang demikian, KKM wajar menerangkan pendekatan baru kepada rakyat dengan mengumumkan perubahan polisi yang terperinci. Langkah-langkah pengawalan penyebaran virus, program pemvaksinan rutin, kaedah pengesanan kontak efisien dan penambahbaikan kapasiti fasiliti kesihatan adalah amat penting untuk membendung COVID-19 dalam fasa endemik. Oleh itu, kami menekankan bahawa peralihan ke fasa endemik perlu dilakukan dengan cermat dengan mengambil kira kesiapsiagaan sistem kesihatan Malaysia. Kita mesti mengelakkan situasi di mana masyarakat ataupun kerajaan alpa tentang ancaman sebenar COVID-19.

2. Libatkan kepakaran dari luar KKM secara sistematik

Kami percaya bahawa YBMK berhak melantik ahli-ahli pasukan sokongan tersendiri. Namun demikian, kami mencadangkan agar YBMK turut mendapatkan penasihat dan pakar pelaksanaan dalam bidang kesihatan, terutamanya dalam kalangan pakar-pakar di luar KKM. Kami menggesa agar pakar kesihatan dari luar KKM dilibatkan secara langsung, sistematik dan berterusan dalam proses membuat keputusan serta pelaksanaan, dan bukan hanya dirujuk secara berkala. Penubuhan Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVTF) merupakan contoh model yang baik dalam hal ini. MHC, melalui anggota-anggota gabungan kami, siap sedia untuk membantu.

3. Wujudkan Indeks Prestasi (KPI) berfasa 30-60-90 Hari

Kami menyambut baik sasaran KPI 100 Hari yang telah ditetapkan oleh YBMK dan Kabinet baru. Namun demikian, terdapat langkah-langkah segera yang perlu diambil jauh lebih awal sebelum sampai tempoh 100 hari. Oleh itu, kami mencadangkan bahawa YBMK menetapkan sasaran KPI secara berfasa dalam tempoh 30, 60 dan 90 hari. KPI tersebut haruslah dipersetujui oleh pihak KKM dan pakar di luar KKM. Sasaran KPI berfasa ini perlu diumumkan untuk ketelusan serta mendorong seluruh rakyat Malaysia untuk mencapai KPI berfasa yang digariskan. KPI berfasa perlu selari dengan Pelan Pemulihan Negara, Belanjawan 2022 dan Rancangan Malaysia ke-12, dan kesihatan dan kesejahteraan Rakyat mesti menjadi keutamaan setiap polisi.

Kami menyatakan sokongan kepada Menteri Kesihatan yang baru untuk mengemudi KKM untuk kembali berjaya membendung COVID-19. Kami akan terus menjalankan amanah dan tanggungjawab kami sebagai para professional kesihatan dan sebagai warga Malaysia.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (*Senarai Penuh Tandatanganan di myhealthcoalition.org*)

9 September 2021

Senarai penuh tandatangan:

Pertubuhan

1. Association of Malaysian Optometrists
2. College of Anaesthesiologists
3. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
4. Dermatology Society of Malaysia
5. IKRAM Health Malaysia
6. Islamic Medical Association of Malaysia
7. Malaysian Association of Clinical Biochemists
8. Malaysian Association of Environmental Health
9. Malaysian Dental Public Health Association
10. Malaysian Medical Association
11. Malaysian Mental Health Association
12. Malaysian Nurses Association
13. Malaysian Paediatric Association
14. Malaysian Pharmacists Society
15. Malaysian Public Health Physician Association
16. Malaysian Society of Anaesthesiologists
17. Malaysian Society of Geriatric Medicine
18. Malaysian Society of Intensive Care
19. Malaysian Society of Occupational Safety and Health
20. Malaysian Society of Ophthalmology
21. Malaysian Thoracic Society
22. Medical Mythbusters Malaysia
23. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
24. MedTweetMy
25. MMA Public Health Society
26. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
27. Perinatal Society of Malaysia
28. Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia

Individu

29. Dato' Dr Amar Singh-HSS
30. Dr Ganabaskaran Nadason
31. Dr Khor Swee Kheng
32. Prof Datuk Lokman Hakim Sulaiman
33. Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail
34. Prof Dr Asri Said
35. Prof Dr Marzida Mansor
36. Prof Dr Mohd Zamrin Dimon
37. Prof Dr Roslina Abdul Manap
38. Prof Dr Shaiful Bahari Ismail
39. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
40. Prof Dr Uma Devi Palanisamy
41. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy